

Elak 8 banjir besar limpahi KL

Terowong SMART alih laluan Sungai Klang, Ampang ke kolam takungan sejak 2007

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Terowong SMART yang mempunyai peranan dwi fungsi dengan matlamat utamanya mengurangkan banjir, berjaya menyelamatkan ibu negara daripada lapan banjir besar sejak beroperasi pada Julai 2007.

Ketua Pegawai Operasi Mengu-
rus Air Banjir dan Terowong Sdn
Bhd (SMART), Mohd Fuad Kamal
Ariffin, berkata terowong sepanjang
9.7 kilometer (km) itu berjaya men-
galih arah air Sungai Klang dan
Sungai Ampang serta mengelaknya
memasuki pusat bandar dan men-
yelamatkan daerah pusat komer-
sial seperti Masjid Jamek dan Jalan
Tun Perak daripada dinaiki air.

Terowong SMART, iaitu satu-sa-
tunya terowong di dunia dengan
peranan dwi fungsi, mempunyai
empat mod operasi yang ditentu-
kan berdasarkan kandungan alir-
an air di kolam takungan yang
terletak di Kampung Berembang.

"Pada mod biasa iaitu ketika cu-
ca cerah, SMART akan berperanan
mengurangkan kesesakan jalan ra-
ya, bagaimanapun apabila hujan



TEROWONG SMART satu-satunya binaan yang berfungsi sebagai jalan dan mengurangkan banjir besar, khususnya di Kuala Lumpur.

lebat dan air pada tahap melebihi
70 meter padu sesaat, modnya ber-
tukar secara automatik.

"Pada tahap 'Prolonged Major
Storm' iaitu apabila
aliran air melebihi
150 meter padu se-
saat, SMART akan
beroperasi pada mod
keempat, yang me-
nyaksikan ia ditutup
sepenuhnya kepada
semua kenderaan ba-
gi membolehkannya
dilalui air," katanya
kepada Sentral di si-
ni, semalam.

Mohd Fuad berka-
ta, SMART yang me-
nerima pengiktira-
fan peringkat antara-
bangsa melalui
Anugerah 'Habitat
Scroll of Honour
Award 2011' daripada
Pertubuhan Bangsa-
Bangsa Bersatu

(PBB) sudah membuktikan keber-
kesanannya menyelesaikan masa-
lah banjir dan lalu lintas di ibu
kota.

Berikutan itu, beliau menca-
ndangkan terowong SMART yang
dibina syarikat tempatan, MMC-

Gamuda Joint Venture Sdn Bhd
(MMC-Gamuda JV) seharusnya di-
bina di kawasan lain di Semen-
anjung Malaysia, bagi mengatasi ma-
salah banjir.

"Keberkesanan SMART sudah di-
akui, bagaimanapun sesetengah
pengguna mungkin belum sedia
maklum yang kami hanya berope-
rasi bagi mengurangkan banjir di
ibu kota membabitkan laluan air di
Sungai Ampang dan Sungai Klang.

"Kami juga berharap pengguna
jalan raya akan memahami situasi
SMART apabila terowong terpaksa
ditutup bagi mengelak banjir besar
berlaku di ibu kota (ketika mod
keempat), lagi pun itu adalah ob-
jektif utama pembinaan terowong
itu," katanya.

Mohd Fuad berkata, SMART juga
menanggung kerugian sehingga RM1
juta setiap kali terowong ditutup apa-
bila komponen dalamannya rosak
akibat 'dilalui' air yang banyak setiap
kali banjir, seperti berlaku pada Mei
lalu," katanya.

Rumah anda kotor dan bersepah?



*Pada mod biasa iaitu ketika
cuaca cerah, SMART akan
berperanan mengurangkan
kesesakan jalan raya,
bagaimanapun apabila hujan
lebat dan air berada tahap
melebihi 70 meter padu
se saat, modnya bertukar
secara automatik* **99**

Mohd Fuad Kamal Ariffin
Ketua Pegawai Operasi SMART